



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

KPDNHEP lakukan 788,674 pemeriksaan, 9,953 kes kesalahan peniaga

Kenaikan harga masih normal

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Trend peningkatan harga barang ketika ini disifatkan masih lagi dalam situasi normal terutama melibatkan barang makanan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pemantauan harga barang melibatkan 480 jenis barang dan 1,583 premis secara harian, mingguan dan bulanan.

Beliau berkata, hasil pemantauan mendapat, kebenaran merentas negeri bukan menjadi punca utama kenaikan harga secara tidak terkawal oleh peniaga, tetapi kerancakan ekonomi akibat pembukaan banyak sektor menjadikan permintaan bekalan melebihi penawaran.

"Ini menyebabkan tekanan harga akibat persaingan yang



ALEXANDER NANTA LINGGI

kuat mendapatkan bekalan.

"Keadaan ini dijangka bersifat sementara kerana penstabilan bekalan dilakukan sebelum kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun ia mengambil masa untuk memenuhi permintaan sedia ada dan luar biasa yang berlaku ketika

ini," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan seluruh negara menyaksikan peningkatan harga barang keperluan harian, peralatan binaan, input pertanian dan makanan yang memberi kesan kepada pelbagai pihak di peringkat pembekal, kontraktor, peniaga serta pengguna.

Alexander berkata, sehingga bulan lalu, sebanyak 788,674 pemeriksaan dijalankan di seluruh negara dengan 9,953 kes kesalahan seperti di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Cap Dagangan 2019, Akta Timbang & Sukat 1972 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Jelasnya, sebanyak 5,348 notis di bawah AKHAP 2011 dikeluarkan kepada peniaga bagi menyiasat sekiranya terdapat peniaga yang cuba mengambil kesempatan dengan mencatut.

Katanya, 62 kes di bawah

AKHAP 2011 juga dihasilkan, dua kes dikenakan kompaun, manakala selebihnya masih di dalam siasatan.

Beliau berkata, kebanyakan faktor berlaku kenaikan harga terutamanya bagi makanan adalah disebabkan faktor cuaca, kos bahan mentah dan permintaan yang melebihi penawaran.

Selain itu katanya, kenaikan harga baja dan racun pula adalah bersifat global dan seluruh dunia merasai kesan kenaikan harga bahan kimia tersebut.

Jelasnya, penguatkuasaan tutup dilakukan melibatkan bahan binaan di bawah Op Catut 8.0 pada 7 hingga 15 April lalu.

Daripada pemeriksaan itu, 120 notis bertulis melibatkan 176 jenis barang dikeluarkan dan satu kes dihasilkan.

Katanya, ini menunjukkan kenaikan harga bahan binaan tersebut adalah kerana kenakan kos input dan bukanlah aktiviti mengambil untung.

KPDNHEP komited bantu peniaga

Tiga prinsip dipraktik pastikan nasib komuniti terbela, terus berdaya saing

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) komited dalam membantu dan melindungi kepentingan peniaga dengan mempraktikkan tiga prinsip teras.

Tiga aspek itu merangkumi mempermudahkan peniaga untuk berniaga, memastikan golongan itu tidak terbeban dengan kos tinggi untuk berniaga dan mempromosikan persekitaran perniagaan yang kondusif supaya

ya tidak terlalu dibatasi kerena birokrasi.

Menyertai Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi melahirkan rasa bangga dengan pencapaian yang dikecapapi menerusi amalan berkenaan.

"Ketika pandemik melanda negara dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), banyak masalah dihadapi komuniti peniaga dan pengguna. Pada waktu itu, ramai peniaga yang terjejas.

"Sebaik menerajui KPDNHEP buat pertama kali, saya mengarahkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melihat apa yang boleh kita lakukan untuk membantu komuniti peniaga dan hasilnya, kita memperoleh 11 inisiatif untuk meringankan beban mereka.

"Kita pastikan semua inisiatif ini bersifat inklusif, bersesuaian dengan semua lapisan rakyat di negara ini.

"Ia juga bertepatan dengan

konsep Keluarga Malaysia diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang antara lainnya menekankan prinsip 'Keterangkuman dan Kebersamaan' menerusi ciri utama konsep ini," katanya dalam wawancara eksklusif bersama BH, baru-baru ini.

Alexander berkata, antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pemberian moratorium, tidak perlu membayar fi, memangsukan perkara yang membebankan peniaga dan memberi penangguhan dalam mengemukakan laporan kewangan syarikat.

Katanya, kementerian turut mengambil inisiatif menaikkan nilai ambang muflis bagi menyelamatkan banyak syarikat daripada diisyitharkan muflis.

"Sebelum pandemik COVID-19, sebuah syarikat boleh dihadapkan ke mahkamah untuk disaman kalau berhutang lebih RM10,000 dan diisyitharkan muflis."

"Kini nilai ambang RM10,000 dinaikkan kepada RM50,000. Ini



Alexander komited KPDNHEP akan terus memberikan khidmat terbaik pastikan peniaga dan pengguna dibela.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

bermakna kita menyelamatkan banyak syarikat daripada diisyitharkan muflis," katanya.

Beliau berkata, kementerian turut menjadi fasilitator membantu golongan yang ingin mencubri bidang perniagaan termasuk pelajar dan orang kurang upaya (OKU).

Katanya, KPDNHEP membantu OKU dan pelajar di universiti mengembangkan idea untuk mendaftar perniagaan seperti program Satu OKU Satu perniagaan dan Satu Pelajar Satu Perniagaan.

"Kita turut membantu golongan B40 dan M40 serta ibu tunggal menerusi program khusus

yang disediakan untuk mereka.

"Jadi ini semua dilakukan menerusi tiga prinsip teras yang diamalkan dalam membantu memudahkan dan melindungi komuniti peniaga serta bakal pekerja," katanya.

Alexander menegaskan, KPDNHEP sentiasa mengambil kira pelbagai aspek, bukan sahaja melindungi peniaga tetapi juga memantau dan mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat kesalahan.

"Kita sedia menggunakan akta berkaitan jika ada yang melanggar undang-undang bagi memastikan tiada pihak yang ditindas," katanya.

Perhebat kempen berimpak tinggi

Kerajaan teruskan Kempen Beli Barang Malaysia dan Program Jualan Malaysia pada tahun depan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

KUALA LUMPUR

Kerajaan akan meneruskan kempen berimpak tinggi seperti Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) dan memperhebatkan Program Jualan Malaysia (PJM) pada tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, KBBM sudah mencatatkan impak positif kepada ekonomi domestik, manakala PJM pula mencatatkan prestasi seperti yang disasarkan.

Menurutnya, sepanjang tahun lalu sahaja KBBM mencatatkan nilai jualan mencecah RM3.3 bilion berbanding RM2.87 bilion pada 2019.

"PJM pula mencatatkan prestasi seperti disasarkan dengan sasaran nilai

jualan sebanyak RM100 bilion pada suku keempat tahun 2020, sudah berjaya dicapai dengan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM135.9 bilion," katanya ketika merasmikan Anugerah Perdagangan Dalam Negeri 2020 (APDN 2020) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini pada malam Selasa.

Program itu turut dihadiri Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Ismail Sabri berkata, kerajaan melalui KPDNHEP juga sentiasa menggerakkan jentera pemuliharaan ekonomi domestik menerusi inisiatif-inisiatif berimpak tinggi bagi merancangkan lagi perkembangan sektor perdagangan pengedaran.

"Salah satu langkah bagi menyokong pemuliharaan dan pemerkasaan semula sektor perdagangan dalam negeri ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM33 juta di bawah Bajet 2022 khusus untuk merancangkan semula sektor perdagangan pengedaran," kata beliau.

Dalam perkembangan lain, beliau



Ismail Sabri (tengah) pada majlis pelancaran Majlis Anugerah Perdagangan Dalam Negeri 2020 (APDN 2020) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada malam Selasa. Turut hadir, Alexander (kiri) dan Hasnol.

berkata, melalui Program Imunisasi Sektor Peruncitan (RIVAC) yang dilaksanakan KPDNHEP, hampir 56,000 pekerja di sektor peruncitan telah mendapat vaksinasi lengkap di seluruh negara melalui kerjasama awam dan swasta.

Kata Perdana Menteri, ia secara langsung memberi jaminan perlindungan

kepada pekerja di sektor peruncitan dan membantu merancangkan pemuliharaan ekonomi negara.

"Kerajaan percaya, pencapaian-pencapaian ini adalah hasil kerjasama baik di antara semua pihak. Persepakatan seperti inilah saya mahu terapkan kepada semua pihak yang berkonsepkan 'Keluarga Malaysia,'" ujar beliau.

Sinar Harian menang Anugerah Khas Media APDN 2020

KUALA LUMPUR - *Sinar Harian* berjaya memenangi Anugerah Khas Media sempena Anugerah Perdagangan Dalam Negeri (APDN) 2020, bagi media cetak dan dalam talian paling aktif mempromosi aktiviti serta berita perdagangan dalam negeri.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, pada malam Selasa.

APDN 2020 julung kali diadakan sebagai tanda penghargaan kerjaan di atas peranan penting yang dijalankan oleh pemain-pemain industri sebagai barisan hadapan ekonomi domestik negara.

Alexander dalam ucapannya berkata, APDN 2020 melibatkan sebanyak 25 kategori anugerah, meliputi pengusaha kecil dan sederhana (PKS), kedai harga patut, francais, jualan langsung, peruncitan, E-dagang, media dan stesen minyak.



Wartawan, Tuan Bughairah Tuan Muhammad Adnan mewakili *Sinar Harian* menerima Anugerah Khas Media sempena Anugerah Perdagangan Dalam Negeri (APDN) 2020, bagi media cetak dan dalam talian paling aktif mempromosi aktiviti dan berita perdagangan dalam negeri.

"Diharapkan penganjuran anugerah seperti ini dapat menjadi pemangkin serta motivasi kepada barisan hadapan ekonomi agar bekerja dengan

lebih gigih dan penuh kesungguhan pada tahun yang mendatang.

"Ia seterusnya dapat menggerakkan sektor peruncitan

untuk kembali memberi sumbangan signifikan kepada pencapaian sektor perkhidmatan negara dan memberi penghargaan kepada mereka dalam

membantu memulihkan ekonomi negara, khususnya semasa pandemik Covid-19 ini.

"Anugerah sebegini diharap dapat meningkatkan persaingan sihat dalam sektor peruncitan, PKS dan penggunaan, termasuk membina rangkaian hubungan baik dan memperluas kerjasama di antara kementerian dan pemain-pemain industri yang berkaitan," katanya.

Lima penerima anugerah utama ialah Fatihah Frozen Food Sdn Bhd bagi kategori produk terbaik, Mydin Mohamed Holdings Berhad yang memenangi penyertaan terbaik kategori Kempen Beli Barang Malaysia dan Ecart Services Malaysia Sdn Bhd (Lazada Malaysia) sebagai Pengendali Pasar Dalam Talian Terbaik.

Selain itu, Global Art & Creative Sdn Bhd menjadi pemenang Francois Terbaik (Dalam Negara) manakala Shell Malaysia Trading Sdn Bhd diiktiraf sebagai Kedai Serbaneka Stesen Minyak Terbaik.

DOMESTIC TRADE

PM: 2 high-impact sales drives to be continued

KUALA LUMPUR: The government, through the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, will continue its high-impact campaigns, such as the Buy Malaysian Products Campaign (BMPC) and Mega Sales Programme (MSP).

BMPC and MSP would be intensified next year, said Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, adding that the former had a positive impact on the economy, while MSP had met its sales targets.

"Sales of Malaysian-made goods under BMPC for 2020

reached RM3.3 billion compared with RM2.87 billion in 2019."

He said MSP had met its RM100 million sales value target for the fourth quarter of 2020 as it achieved RM135.9 million.

He said this at the Domestic Trade Awards-2020 at the Kuala Lumpur Convention Centre here on Tuesday.

Present were Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi and Federal Territories Minister Datuk Seri Shahidan Kassim.

Ismail Sabri said the govern-



Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob launching the Domestic Trade Awards 2020 in Kuala Lumpur on Tuesday. With him are Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (left) and secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad. BERNAMA PIC

ment, through the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, had been mobilising the economic recovery machinery through high-impact initiatives to boost the trade distribution sector.

"Among the measures taken to support the recovery and re-empowerment of the domestic trade sector is the government allocation of RM33 million under the 2022 Budget to revitalise the trade distribution sector."

He said that through the Retail Industry Vaccination programme, almost 56,000 workers in the retail sector had been fully vaccinated against Covid-19 via

public and private partnerships. "It has provided protection to workers in the sector and helped boost economic recovery."

"The government believes this is the result of the good cooperation enjoyed among all parties. It is this form of synergy that I want to apply to all parties under the Keluarga Malaysia concept."

Ismail Sabri said daily monitoring was a part of the ministry's commitment to ensure sufficient food supply and necessities.

"Enforcement agencies need to conduct more aggressive monitoring and operations to ensure that traders do not increase

prices of their goods to the point of angering consumers," he said.

He digitalisation was the main agenda, which would also be the focus of the government in the coming years.

"We need to be brave and reboot, and implement the best practices. Among them is to accelerate the digitalisation agenda."

"The omnichannel business concept and focus on the low-touch economy must be emphasised."

"Both of these agendas require industry players to adopt technology and digitalisation more widely," he said. Bernama

PRAYER TIMES

	SUBUH + Imsak	SYURUK	ZUNUR	ASAR + Ibad	MAGHRIB	ISYAK
Melaka	5:46	6:59	1:01	4:23	6:59	8:13
Penang	5:58	7:09	1:08	4:30	7:02	8:16
K. Lumpur	5:51	7:01	1:03	4:25	7:00	8:14
Johor Baru	5:39	6:51	12:54	4:17	6:54	8:08
Kuantan	5:44	6:56	12:57	4:20	6:55	8:09
Ipoh	5:55	7:04	1:06	4:28	7:01	8:15

Jawab isu tular jual nasi dengan harga melampau

Restoran Hameediyah nafi jual sotong mahal

Oleh SAFINA RAMLI

GEORGE TOWN – Restoran Hameediyah di Lebuh Campbell, di sini menafikan dakwaan bahawa harga RM100 bagi dua bungkus nasi berlauk sotong yang dijual kepada sepasang suami isteri baru-baru ini adalah mahal dan tidak berpatutan.

Pengarah Restoran Hameediyah Lebuh Campbell, Muhammad Riyaz Syed Ibrahim berkata, harga kesemua makanan yang dijual di restoran itu disenaraikan dengan jelas termasuk hidangan sotong yang dijual antara RM10 dan RM150.

"Saya adalah individu yang mengambil pesanan individu ini dan pasangannya, di mana mereka telah membungkus sotong goreng untuk dibawa pulang selain nasi beriani, nasi putih, telur masin, sebungkus papadom dan hidangan timun.

"Sotong yang digunakan untuk hidangan sotong goreng apollo ini tidak murah, kami sendiri membelinya pada harga RM35 hingga lebih RM40 sekilogram, malah harga di pasaran sentiasa berubah-ubah," katanya.

Menurutnya, sotong goreng yang dibungkus untuk pasangan berkenaan juga bersaiz besar di mana harganya adalah antara RM110 dan RM120 untuk dua orang, namun dia telah memberikan diskain kepada mereka.

"Apabila pasangan ini memperbaiki hidangan tersebut mereka tidak bertanya harganya.



NASI berlauk sotong yang didakwa bernilai RM100 untuk dua bungkus.

"Wanita tersebut dengan jelas melihat saya memasukkan jumlah harga sotong ke sistem pembayaran, dia tidak mengadu apa-apa ketika itu," katanya.

Katanya, ini bukan kali pertama restoran itu tular kerana harga makanan, namun kesemua harga telah dipamer dengan jelas.

Restoran nasi kandar popular itu tular kerana didakwa me-

ngenakan harga makanan mahal.

Satu salinan resit yang tular menunjukkan harga bagi dua ekor sotong goreng berharga RM100, manakala sepinggan nasi beriani kosong berharga RM4.50, nasi putih (RM1.50), dua biji telur masin (RM2), papadom (RM3) dan timun (RM2) menjadi perdebatan netizen yang menganggap harga itu amat melampau.

Sotong goreng RM100: Pengusaha restoran diberi notis

GEORGETOWN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mengeluarkan notis pengesahan maklumat barang terhadap pengusaha restoran nasi kandar terkemuka di negeri ini yang menjual dua ketul sotong goreng dengan harga RM100.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, notis berkenaan dikeluarkan bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 bagi mendapatkan maklumat serta harga kos dan jualan bagi sotong goreng terabit.

Menurutnya, selepas isu berkenaan tular di laman sosial, tiga pegawai penguat kuasa KPDNHEP Pulau Pinang ke restoran berkenaan di sini pada Rabu bagi menjalankan pemeriksaan.

"Semasa pemeriksaan pegawai pe-

nguat kuasa telah merakam percakapan peniaga mengenai isu yang tular bagi membantu siasatan lanjut.

"Pengusaha dikehendaki memberikan maklum balas notis dalam tempoh dua hari bekerja atau sehingga 26 November ini kepada pejabat Cawangan Timur Laut," katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah Restoran Hameediyah Lebuh Campbell, Muhammad Riyaz Syed Ibrahim menjelaskan, harga kesemua makanan dijual di restoran itu disenaraikan dengan jelas termasuk hidangan sotong yang dijual antara RM10 dan RM150.

"Sotong goreng 'apollo' ini tidak murah. Kami sendiri membelinya pada harga RM35 hingga lebih RM40 sekilogram, malah harga di pasaran sentiasa berubah-ubah," jelas beliau.



Dua sotong goreng berharga RM100 tular di laman sosial pada Rabu.

Pelanggan sudah dimaklum

Georgetown: Sotong goreng di Restoran Hameediyah di Lebuh Campbell di sini dijual pada harga RM10 hingga RM150 bergantung kepada saiz, malah terdapat paparan tanda harga diletakkan di premis berkenaan.

Mengulas berkaitan gambar resit sotong goreng yang tular, Pengaroh Restoran Hameediyah Muhammad Riyaaaz Syed Ibrahim, 30, berkata, ia untuk dua sotong goreng yang mana setiap satutu berharga RM50.

"Pelanggan sudah maklum mengenai harganya pada paparan skrin ketika mahu membayar dan jika tidak bersetuju, mereka boleh menukarnya dengan lauk lain," katanya ditemui di premis terbabit, semalam.

Terdahulu, tular gambar resit sotong goreng berharga RM100 berkenaan dan ia mendapat pelbagai reaksi daripada orang ramai.



MUHAMMAD Riyaaaz menunjukkan hidangan sotong goreng yang dijual antara RM10 hingga RMS0 seekor mengikut saiz. - Gambar NSTP/ZUHAINY ZULKIFFLI

Pelanggan restoran itu mendakwa, sotong terbabit dijual pada harga tidak manusabah.

Menurut Muhammad Riyaaaz, terdahulu, pelanggan dipercayai penduduk tempatan itu berkunjung ke restorannya pada tengah hari

dan meminta hidangan sotong goreng bersaiz besar.

Katanya, ketika di kaunter pembayaran, pelanggan terbabit maklum mengenai harga kedua-dua hidangan yang diambil dan mereka hanya diam serta tiada bantahan mengenainya.

Cubaan seleweng 32,000 liter diesel bersubsidi gagal

SANDAKAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Sandakan menggagalkan cubaan menyeleweng 32,000 liter minyak diesel bersubsidi untuk nelayan bernilai RM52,000 di sebuah jeti Kampung Batu Putih dekat sini pada Isnin lalu.

Ketuaanya, Mohamad Hashim berkata, selain minyak bersubsidi berkenaan, turut dirampas ialah dua lori tangki, hos minyak 30 meter, hos minyak tiga meter, sebuah enjin pam dan sebuah meter pam dengan nilai rampasan keseluruhan RM202,800.

Menurutnya, seorang lelaki mengaku sebagai pemilik premis serta dua lagi lelaki tempatan yang mengaku sebagai pemandu lori tangki itu ditahan bagi membantu siasatan.

"KPDNHEP bersama pasukan Kawasan Keselamatan Khas Perairan Pantai Timur Sabah (ESSCom) dan Pasukan Gerakan Am menyerbu jeti itu dan telah melihat aktiviti memindahkan minyak diesel bersubsidi nelayan dari stor penyimpanan 'skid tank' nelayan ke dalam dua lori tangki," katanya dalam satu kenyataan. - Bernama

HARI :	KHAMIS
TARIKH :	25/11/2021
M/SURAT :	5

MINISTRY THWARTS ATTEMPT TO SIPHON DIESEL

SANDAKAN: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry thwarted an attempt to siphon 32,000 litres of diesel, worth RM52,000, from two tanker lorries at a jetty in Kampung Batu Putih near here on Monday. The ministry's Sandakan enforcement chief Mohamad Hashim said three local men, aged between 23 and 41, including the lorry drivers, were detained to facilitate investigation. "The ministry, together with a team comprising members from the Eastern Sabah Security Command (ESSCom) and the General Operations Force (PGA) raided the jetty after a week of surveillance, during which they witnessed the siphoning of subsidised diesel for fishermen from the skid tank to two tanker lorries. According to the lorry drivers, the diesel was to be taken and sold directly to the plantation sector in the east coast of Sabah," he told a media conference here yesterday. – Bernama

HARI : KHAMIS
TARIKH : 25/11/2021
M/SURAT : 1



HARGA SAYUR PULA MELAMBUNG

'Hujan, tenaga kerja punca sayur mahal'

Akui pengeluaran bekalan sayur merosot sebanyak 30 hingga 40 peratus kali ini

Laporan MOHD AZLIM ZAINURY, NORHASPIDA YATIM, ROSILAWATI ROSE-DI, NOOR AINON MOHAMED YUSOF, MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM dan ENGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Kemerosotan pengeluaran hasil sayuran tempatan akibat musim hujan menjadikan antara faktor utama kenaikan harga sayuran dalam negara baru-baru ini.

Puncanya dikenakan lagi dengan isu bekalan sayur import.

Harian pada Rabu.

Akbar ini pernah melaporkan mengenai kenaikan harga sayuran dalam negara yang dilaporkan meningkat sehingga 200 peratus sejak dua minggu lalu.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader pada Rabu berkata, terdapat lapan jenis sayuran didapati merekodkan kenaikan harga antaranya kubis bunga, sawi pendek, brokoli, sawi, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau.

Ee Mong berkata, kemerosotan bekalan sayuran import yang lazimnya diperoleh dari China, Australia dan Amerika Syarikat itu berlaku di seluruh dunia kerana faktor pengurangan pengeluaran dan peningkatan kos logistik.

Kos pengeluaran meningkat

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Penanam Sayur Cameron Highlands, Lau Weng Soon berkata, selain isu cuaca, faktor kenaikan kos pe-

ngeluaran sayuran dan kekurangan pekerja juga menjadi faktor kepada penurunan hasil sayuran ketika ini.

Beliau berkata, dengan kenaikan kos pengeluaran antaranya harga baya yang berlaku sejak empat bulan lalu, ramai pengusaha sayuran mengurangkan penggunaan bahan tersebut sehingga menjadikan jumlah pengeluaran hasil tanaman.

"Untuk seketika, kita masih boleh gunakan baya lama yang dibeli sebelum kenaikan harga, tetapi sekarang stok lama sudah kurang."

"Kebanyakan baya import yang kita ambil dari China juga sudah sangat berkurangan," ujarnya.

Mengulas mengenai isu pekerja, Weng Soon berkata, ramai pekerja asing beralih keluar dari Cameron Highlands untuk bekerja di sektor perkilangan selepas pembukaan semula ekonomi negara pada tahun ini.

Katanya, hal tersebut memburukkan lagi situasi kekurangan pekerja asing di ladang tanaman di Cameron Highlands yang didakwa sudah berlarutan sejak dua tahun lalu.

"Kalau dulu kita boleh tamam 10 ekar (4.04 hektar) penuh. Tapi sekarang mungkin mungkin enam ke tujuh ekar (2.42 hingga 2.83 hektar) sahaja," katanya.

Noraini Abu Bakar

IPOH - Keadaan cuaca, kerosakan tanaman petani dan permintaan yang tinggi diperlukan menjadi punca kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran.

Tinjauan di Pasar Besar di sini mendapati beberapa jenis sayur seperti kubis, salad, sawi dan kacang buncis menunjukkan peningkatan hampir dua kali ganda sejak dua minggu lalu.

Sebelum ini, brokoli dijual antara RM8 dan RM9 sekilogram (kg), namun kini harganya mencapai RM15, kacang buncis daripada RM6 kepada RM12 dan sawi dijual RM7 sekilogram berbanding RM4 sebelum ini.

Seorang peniaga, Noraini Abu Bakar berkata, harga sayur mula meningkat selepas perayaan Deepavali lalu.

"Pembekal memaklumkan kenaikan harga disebabkan keadaan cuaca apabila berlakunya banjir, tanah runtuh yang menjadikan hasil dan bekalan."

"Boleh dikatakan kesemuanya sayur mengalami kenaikan harga. Harga salad boleh dikatakan naik setiap hari. Daun ketumbar pula dijual sehingga RM25 sekilogram. Ada sayur yang tidak diambil kerana harganya yang mahal."

"Pada awal kenaikan pelanggaran merungut tetapi harga jualan bergantung kepada harga pembekal. Harga dijangka meningkat pada hujung minggu," katanya.

Seorang peniaga, Mohd Saiful Abdul Rashid menjelaskan, kenaikan harga sayur-sayuran itu menyebabkan pendapatan mereka merosot dan terpaksa memanggung kerugian jika sayuran berkenaan tidak terjual.

"Kesemuanya harga sayur naik ketara. Awal bulan ini saya beli sayur RM50 sebakul, kini saya beli pada harga RM150 untuk buah yang sama. Berniaga pun tidak banyak untung."

"Boleh dikatakan jualan amat perlahan. Dalam tempoh dua minggu ini, kami tidak dapat balik modal dan mengharapkan hujung minggu orang ramai dapat keluar membeli," katanya.

Seorang peniaga, Mior Husainoorhafiz Mior Jala pula menjelaskan, pembekal memberi alasan sama iaitu keadaan cuaca dan banyak permintaan menyebabkan mereka menaikkan harga sayur-sayuran.

"Kami sendiri dalam dilema. Bukan tidak mahu jual murah tetapi pembekal jual pada kami pada harga yang mahal."

"Sebelum kebenaran rentas negeri harga masih sama tetapi dua minggu ini, boleh dikatakan ini kenaikan tertinggi. Pembeli akan terasa dan kadang kala mereka merungut," katanya.




HARGA SAYUR PULA MELAMBUNG



Harga naik sejak 2 minggu lalu

Peniaga dan pengguna mengeluh namun terpaksa membeli walaupun harga pasaran meningkat

SHAH ALAM

Selepas kenaikan harga ayam dan telur sejak kebelakangan ini, harga sayur pula dilihat menunjukkan peningkatan sejak dua minggu lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Moden Seksyen 6 di sini, pada Rabu mendatang terdapat beberapa jenis sayur mengalami peningkatan sehingga dua kali ganda.

Antara jenis sayur yang mengalami peningkatan harga mendakat ialah cili merah, sawi dan kacang buncis.

Brokoli, daun ketumbuk, kubis bunga adalah jenis sayur yang mengalami peningkatan harga sehingga dua kali ganda harga asal.

Salah seorang peniaga sayur di sini, Mohd Azmi Hussein, 36, berkata, kenaikan harga pelbagai jenis sayur-sayuran mula disedari olehnya sejak dua minggu lalu.

Menurutnya, kacang buncis sebelum ini dibantah oleh pembekal dengan harga RM8 sekilogram, kini meningkat kepada RM15 sekilogram.



Harga pelbagai jenis sayur disedari naik oleh peniaga dan pengguna di Selangor sejak dua minggu lalu.



MOHD AZMI



CHIN PHIN

pada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) supaya mereka datang ke sini untuk pantau harga sayur," katanya.

Seorang lagi peniaga sayur, Ang Chin Phin, 31, berkata, ketumbuk dan kubis bunga antara sayur yang mengalami peningkatan harga mendakat.

"Ujarnya, pelanggan mengeluh kepadanya berkenaan peningkatan harga sayur kerana tidak banyak sayur yang boleh dibeli oleh mereka.

"Dulu dengan harga sebanyak RM20, (pelanggan) boleh dapat lapan jenis sayur, tapi sekarang harganya menjadi RM25 untuk jumlah sama.

"Saya pernah tanya kepada pembekal tentang kenaikan harga dan mereka berkata harga sayur turut naik di Pasar Besar Selayang dan Cameron Highlands, Pahang," ujarnya.

Kubis bunga mahal lebih dua kali ganda di Pahang

TEMERLOH - Harga kubis bunga didapati meningkat lebih daripada dua kali ganda selepas mengalami kenaikan harga daripada RM7 sekilogram kepada mencecah RM16 sekilogram.

Seorang peniaga sayur di Pasar Awam Mentakab, Foziah Serandang, 51, memberitahu, kenaikan tersebut kerana faktor perubahan cuaca selain sayuran itu diimport dari China.

Menurutnya, selain kubis bunga, kebanyakan sayuran lain seperti sawi, salad turut mencatat kenaikan harga sejak beberapa minggu lalu.



FOZIAH SERANDANG

M GANDHI

katanya yang telah terabit dalam perniagaan itu sejak 30 tahun lalu.

Situasi itu turut diakui seorang peniaga sayur di pasar sama, M Gandhi, 55, yang menyifatkan kenaikan itu sudah dijangka berikutkan faktor hujan yang menyebabkan harga sayur-sayuran turut naik.

"Contohnya, bayam pun dah naik harga, RM8 sekilogram berbanding RM4 atau RM5 sekilogram sebelum ini."

"Saya jangka bulan depan, kenaikan lagi ketara kerana musim hujan," dakwanya.

Sementara itu, peniaga nasi ayam, Shahrudin Ali, 56, men-

Harga sayur naik 50 peratus di Terengganu

KUALA TERENGGANU -

Peniaga di Terengganu mengakui harga borong bagi beberapa jenis sayur naik 50 peratus sejak dua minggu lalu.

Seorang peniaga, Mariah Mamat, 49, berkata, peningkatan mendadak harga sayuran itu menyebabkan kebanyakan peniaga bersara ter tekak kerana terpaksa memaikan harga jualan.

Akuinya, antara sayur yang berlaku peningkatan mendadak ialah kubis bunga dan brokoli.

"Harga kubis bunga yang diperoleh daripada pemborong sebelum ini RM11 hingga RM12 sekilogram, namun kini meningkat kepada RM18.

"Sama juga dengan brokoli di mana kita dapat daripada pemborong sebelum ini sekitar RM12 sekilogram dan kini harga melambung sehingga RM18. Jadi kita terpaksa jual RM20 sekilogram," katanya ketika ditemui pemberita di Pasar Chabang Tiga di sini pada Rabu.

Tinjauan mendapati ia meningkat sekali ganda antaranya sawi manis (RM10), kubis bunga (RM15), brokoli (RM17) sawi panjang kampung (RM16), kacang buncis (RM16), cili besar merah (RM16), cili besar hijau (RM16) dan salad (RM20).

Seorang lagi peniaga, Nurul Essa Fazira Ariff, 27, berkata, harga kebanyakan sayuran yang dijual meningkat 50 peratus sejak 10 hari lalu.

Katanya, dia harap berlaku kawalan harga di peringkat pembekal kerana harga yang diterima peniaga runtut begitu tinggi.

"Kita harap pihak berkuda dapat memantau keadaan ini dan bertindak sekiranya berlaku pencatutan di peringkat pembekal sebab kita tidak tahu punca kenaikan ini atas faktor apa."

"Mungkin kenaikan harga ini disebabkan banjir atau kerosakan tanaman," katanya.



Harga sayur-sayuran didapati meningkat sejak beberapa minggu lalu.

dakwa kenaikan sayur-sayuran sudah mula dirasai sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Ujarnya, sayur kubis dipilih berbanding salad dalam menu nasi ayam di premisnya kerana harga salad yang lebih mahal.

Tanaman petani di Cameron Highlands banyak alami kerosakan

Cuaca hujan punca harga sayur naik

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri mengesahkan faktor kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran ketika ini berpunca dari pada cuaca dan hujan yang tidak menentu.

Pengaruhnya, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memaklumkan bekalan sayur-sayuran di pasaran negeri ini berkurangan serta berlaku kerosakan sayur-sayuran milik petani di Cameron Highlands, Pahang.

"Selain itu, bekalan sayur-sayuran import turut berkurangan akibat pengeluar mengalami keadaan cuaca sejuk melampaui serta kenaikan kos pengangkutan kontena dari ne-



CUACA yang tidak menentu di Cameron Highlands menjadi antara punca sayur naik harga. — GAMBAR HIASAN

gara asal.

"Sehubungan itu, Seksyen Penguat Kuasa telah menjalan-

kan pemeriksaan dan menyerahtarkan Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) ke atas

pengimport serta pemborong sayur bagi mendapatkan maklumat harga sayur-sayuran," kata-




KERATAN Kosmo! semalam.

nya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kosmo! melaporkan harga beberapa jenis sayur-sayuran di negeri ini mengalami kenaikan sebanyak 40 hingga 200 peratus dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini.

Kenaikan sebanyak RM2 hingga RM12 mengikut jenis sayur itu dikesan Persatuan Pengguna Pulau Pinang berlaku di beberapa pasar di Bayan Baru, Taman Tun Sardon, Jelutong, Batu Lanchang, Ayer Itam dan Pulau Tikus.

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **25/11/2021**
M/SURAT : **16**

 Senarai Harga Barang Keperluan	<ul style="list-style-type: none">- Ayam RM6.50- Daging Lembu Tempatan RM34- Daging Lembu Import RM28	<ul style="list-style-type: none">- Telur Gred A RM11.90- Ikan Kembung RM10.99- Minyak Masak RM6.40	<ul style="list-style-type: none">- Gula Pasir RM2.85- Bawang Besar Holland RM2.92- Bawang Putih RM5.55	<ul style="list-style-type: none">- Cili Merah RM12- Kubis Tempatan RM4.20- Tepung Gandum RM2.19
*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP				

HARI : KHAMIS
TARIKH : 25/11/2021
M/SURAT : 1

	New fuel prices
	<i>Nov 25 – Dec 1</i>
	RON95 RM2.05
	(unchanged)
	RON97 RM3.05
	(-3 sen)
	DIESEL RM2.15
	(unchanged)